

11/02/2005

Umno, Pas perlu tangani perpecahan

KOTA BHARU: Tidak ada cara lebih baik kecuali Umno dan Pas bersemuka bagi membincangkan permasalahan umat Islam, khususnya menangani perpecahan masyarakat sekarang yang berpunca kerana perbezaan fahaman politik.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata kedua-dua pihak terbabit perlu serius mencari jalan penyelesaian supaya masalah besar yang dihadapi umat Islam negara ini tidak berlarutan.

"Harapan saya, kalau boleh perbalahan antara Pas dan Umno yang berlaku begitu lama dapat diselesaikan dengan cara kedua-dua pihak perlu berdepan dan duduk bersemuka.

"Perkara ini tidak pelik kerana pernah dibuat bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan bekas Presiden Pas, Allahyarham Datuk Fadzil Noor membincangkan isu Palestin.

"Apa salahnya, kalau dapat duduk bersemuka, barulah tak lama sangat umat Islam di negara ini duduk dalam masalah perpecahan yang tak pasal-pasal," katanya kepada pemberita selepas majlis sambutan Maal Hijrah peringkat Kelantan, di Balai Islam Ludang, di sini, malam kelmarin.

Perasmian majlis itu disempurnakan Sultan Kelantan, Tuanku Ismail Petra yang turut dihadiri Raja Perempuan Kelantan, Tengku Anis Tengku Abdul Hamid dan anakanda baginda, Tengku Amalin A'ishah Putri.

Beliau berkata demikian diminta mengulas seruan Sultan Kelantan yang mengajak umat Islam di negeri ini melakukan perubahan minda dengan mengikis sifat suka bermusuhan dan berpecah belah dalam masyarakat yang tidak menguntungkan sesama umat.

(END) Source : Berita Harian